

Orang Kurang Upaya' dan 'Orang Kelainan Upaya': Analisis Kesantunan Berbahasa dalam Penulisan Media Akhbar

Wan NorHaizar Harun¹, Noriha Basir², Nurul Syazwani³, Faharol Zubir⁴

Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

*Corresponding author: haizar@unimap.edu.my

Received: 1st May 2025; Revised: 15th May 2025; Accepted: 28th May 2025

ABSTRAK

Pemilihan kata dalam konsep kesantunan berbahasa merupakan aspek yang penting dalam penulisan. Pemilihan kata bukan hanya sekadar menyampaikan idea yang difikirkan, namun pemilihan kata seharusnya sesuai dengan komunikasi interaksi sosial. Kajian ini membincangkan penggunaan kata 'Orang Kurang Upaya (OKU1)' dan 'Orang Kelainan Upaya (OKU2)' berasaskan data akhbar dalam talian di Malaysia. Aspek yang ditumpukan ialah gelagat kehadiran penggunaan kata OKU1 dan OKU2 dalam data akhbar dalam talian. Permasalahan kajian ini adalah wujudnya penggunaan istilah yang tidak seragam dalam penulisan akhbar bagi OKU yang merujuk "Orang Kurang Upaya" dan "Orang Kelainan Upaya". Penggunaan kata OKU telah termaktub dan digunakan dalam Akta 685, iaitu Akta Orang Kurang Upaya 2008. Teori Kesantunan oleh Brown & Levinson (1987) dimanfaatkan bagi menghuraikan pemilihan penggunaan kata tersebut. Analisis kajian mendapati bahawa penggunaan kata OKU2 "Orang Kelainan Upaya" adalah lebih santun dan sesuai digunakan dalam penulisan media, komunikasi rasmi dan interaksi sosial. Menurut Teori Brown & Levinson (1987), pemilihan kata "Orang Kelainan Upaya" berupaya memelihara muka positif dan negatif seterusnya dapat mengelakkan rasa rendah diri atau stigma negatif berbanding istilah "Orang Kurang Upaya" yang kurang sesuai kerana menonjolkan kekurangan golongan tersebut.

Kata Kunci: Orang Kurang Upaya, Orang Kelainan Upaya, kesantunan berbahasa, media akhbar, Teori Kesantunan Brown dan Levinson

1. PENGENALAN

Orang Kurang Upaya (OKU) ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kekurangan fizikal dan mental dalam jangka masa panjang, intelektual atau deria ketika berinteraksi dengan pelbagai halangan yang boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat (Akta Orang Kurang Upaya 2008). Dari segi istilah seperti yang dipetik dalam Hazlin Falina et.al (2017) menjelaskan orang cacat, orang kurang upaya atau orang istimewa membawa maksud yang sama untuk menggambarkan tentang kekurangan, sama ada dari segi fizikal mahupun mental. Jabatan Pendidikan Khas (2005) menjelaskan Falsafah Pendidikan Khas merujuk kepada prinsip dan kepercayaan asas yang menjadi panduan dalam merancang, melaksana, dan menilai pendidikan untuk murid berkeperluan khas di Malaysia. Falsafah Pendidikan Khas juga selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, namun memberi tumpuan khusus kepada keperluan individu yang mempunyai kelainan dari segi fizikal, intelek, emosi atau sosial. Visi Pendidikan Khas Malaysia ialah membentuk murid berkeperluan khas yang berilmu, berkemahiran dan berakhlak mulia selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Misi Pendidikan Khas Malaysia pula menjana potensi murid berkeperluan khas melalui pendidikan yang berkualiti dalam persekitaran yang kondusif dan inklusif. Jabatan Pendidikan Khas (2008) pula menjelaskan bahawa objektif Pendidikan Khas ini pula menyediakan peluang untuk mengembangkan bakat

dan potensi murid dengan keperluan asas, menyediakan peluang untuk mengembangkan bakat dan potensi murid dengan keperluan khas, menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran yang mencukupi dan terkini dan memastikan tenaga pengajar yang mencukupi dan terlatih dalam bidang Pendidikan Khas. Pemilihan kata dalam konsep kesantunan berbahasa merupakan aspek yang penting dalam penulisan. Menurut Awang Sariyan (2015), pemilihan kata ialah tahap yang melebihi tahap tatabahasa daripada segi penguasaan binaan kata. Tahap ini termasuk dalam retorik, iaitu penggunaan bahasa untuk mencapai keberkesanan komunikasi. Kata-kata yang digunakan bukan sahaja mesti betul daripada segi tatabahasa tetapi mestilah juga bertenaga dan jelas dalam menyampaikan sesuatu mesej. Pemilihan kata juga bukan hanya sekadar menyampaikan idea yang difikirkan, namun pemilihan kata seharusnya sesuai dengan budaya dalam masyarakat Melayu. Penggunaan kata “Orang Kurang Upaya (OKU1)” dan “Orang Kelainan Upaya (OKU2)” sering digunakan untuk penulisan akhbar dalam talian di Malaysia seperti Berita Harian, Harian Metro, Kosmo, Harakah Daily, Utusan dan Sinar Harian. Kata santun pula menurut Kamus Dewan (2005) sebagai “halus (budi bahasa atau budi pekerti), beradab, sopan”. Oleh itu, kesantunan berkaitan dengan sifat kehalusan budi bahasa atau budi pekerti dan kesopanan. Kesantunan bahasa secara umum merujuk kepada penggunaan bahasa yang baik, sopan, beradab, memancarkan peribadi mulia dan menunjukkan penghormatan kepada pihak yang menjadi teman bicaranya. Kesantunan bahasa menjadi salah satu ciri penting bangsa yang bertamadun. Oleh yang demikian, kesantunan bahasa diukur berdasarkan kepatuhan pengguna bahasa kepada peraturan yang terdapat dalam bahasa sesuatu masyarakat. Setiap masyarakat atau bangsa mempunyai peraturan bahasa masing-masing. Sebahagian peraturan itu bersifat sejagat, seperti penggunaan panggilan hormat, kata sapaan kekeluargaan dan ungkapan bertata susila.

Permasalahan utama kajian ini ialah wujudnya penggunaan kata “Orang Kurang Upaya” OKU1 dan “Orang Kelainan Upaya” OKU2 dalam penulisan kewartawanan yang menimbulkan kekeliruan. Penggunaan kata OKU telah termaktub dan digunakan dalam Akta 685 iaitu Akta Orang Kurang Upaya 2008. Namun begitu, dalam penulisan kewartawanan menunjukkan kedua-dua perkataan tersebut kerap digunakan dalam penulisan media akhbar dalam talian. Oleh yang demikian, kajian ini akan melihat penggunaan kata OKU1 dan OKU2 melalui akhbar dalam talian yang dibincangkan mengikut Teori Kesantunan oleh Brown dan Levinson (1987).¹

2. KAJIAN LITERATUR

Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan istilah yang sering digunakan secara rasmi di Malaysia, terutamanya oleh kerajaan dan agensi rasmi, seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Istilah ini merujuk kepada individu yang mengalami kekurangan atau ketidakupayaan fizikal, mental, intelektual atau deria yang mengganggu aktiviti harian (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2020). Orang Kelainan Upaya (OKU) pula adalah istilah yang lebih terkini dan dilihat sebagai lebih inklusif dan kurang menekankan “kekurangan”. Istilah ini memberi fokus kepada kelainan atau perbezaan dalam kemampuan, dan menolak konotasi negatif yang kadang-kala melekat pada istilah “kurang upaya” (Hasan & Harun, 2018). Kajian oleh Rahim (2015) menunjukkan bahawa istilah “*kurang upaya*” boleh menimbulkan persepsi negatif dalam kalangan masyarakat kerana membawa maksud kekurangan dan kelemahan, yang boleh mempengaruhi penghormatan dan penerimaan sosial. Dalam kajian linguistik oleh Zainal (2019), istilah “*kelainan upaya*” dipandang lebih menghormati dan selaras dengan prinsip kesantunan bahasa kerana istilah tersebut mengekalkan penghargaan terhadap identiti individu tanpa menghakimi kekurangan.

Menurut Ahmad & Ismail (2017) pula, budaya Melayu yang menekankan nilai hormat, sopan santun, dan tidak terus terang menyebabkan penggunaan bahasa yang berlapik amat penting dalam merujuk kepada golongan OKU. Istilah “*Orang Kelainan Upaya*” dilihat lebih sesuai

dengan nilai kesantunan Melayu kerana mengelak istilah yang boleh menyinggung atau mengguris perasaan. Kerajaan Malaysia masih menggunakan istilah "*Orang Kurang Upaya*" secara rasmi dalam dokumen dan undang-undang, seperti Akta Orang Kurang Upaya 2008, walaupun terdapat usaha untuk menggunakan bahasa yang lebih inklusif dalam program dan kempen. Peralihan ke istilah "*Orang Kelainan Upaya*" semakin mendapat perhatian dalam kalangan aktivis dan akademik sebagai usaha memperbaiki sensitiviti bahasa (Nor & Salleh, 2021).

Penyelidikan oleh Mahmud (2022) mencadangkan agar media dan penulis akhbar mengutamakan penggunaan istilah yang bersifat inklusif dan santun seperti "*Orang Kelainan Upaya*" untuk mengurangkan stigma dan meningkatkan penerimaan masyarakat. Penekanan diberikan kepada peranan media dalam membentuk persepsi positif melalui pemilihan kata yang berhati-hati dan beretika.

3. OBJEKTIF KAJIAN

- (i) Mengenal pasti gelagat penggunaan kata OKU dalam penulisan Akhbar Dalam Talian
- (ii) Menganalisis dan membincangkan penggunaan kata OKU dalam Akhbar Dalam Talian mengikut Teori Brown & Levinson (1987)

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif deskriptif menggunakan analisis wacana pragmatik, yang menumpukan kepada penggunaan bahasa dan pemilihan kata berdasarkan teori kesantunan bahasa oleh Brown dan Levinson (1987). Instrumen utama kajian ialah dokumen artikel akhbar dalam talian, Senarai semak (checklist) berdasarkan elemen muka positif dan muka negatif Teori Brown & Levinson (1987) dan kod tema serta kategori untuk menganalisis strategi kesantunan seperti kesantunan positif dan kesantunan negatif. Sampel dan pemilihan data terdiri daripada 20 artikel berita dari akhbar dalam talian Malaysia (2019–2023) yang mengandungi istilah "Orang Kurang Upaya" atau "Orang Kelainan Upaya". Kriteria pemilihan artikel diperoleh dari media arus perdana. Artikel menyentuh tentang isu berkaitan OKU secara langsung. Istilah OKU dinyatakan secara eksplisit dalam tajuk atau kandungan. Kaedah Pengumpulan Data diperoleh melalui pencarian atas talian menggunakan enjin carian dan pangkalan data akhbar digital. Kata kunci digunakan: "*Orang Kurang Upaya*" dan "*Orang Kelainan Upaya*".

Kaedah Analisis data dimanfaatkan berdasarkan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987), iaitu analisis muka positif (*positive face*) merangkumi penghargaan, hormat, imej diri. Manakala Analisis muka negatif (*negative face*) merujuk kepada kebebasan dan keperluan autonomi. Oleh yang demikian, Penentuan strategi kesantunan data yang dianalisis merangkumi kesantunan positif, kesantunan negatif dan strategi langsung (tanpa kesantunan). Hasil analisis juga melihat perbandingan penggunaan istilah (kurang upaya vs kelainan upaya) dari sudut kesantunan. Kebolehpercayaan dan kesahihan sumber data dilakukan dengan merujuk kepada lebih daripada satu akhbar. Penanda aras penggunaan istilah turut dirujuk melalui gaya penulisan media rasmi, dokumen dasar kerajaan seperti Dasar OKU Negara dan Panduan DBP atau UNCRPD (Konvensyen Hak OKU). Seterusnya, data yang dianalisis adalah data umum dan terbuka kepada orang awam. Tiada pelibatan responden secara langsung, maka tidak melibatkan keperluan etika persetujuan bertulis.

Teori Kesantunan oleh Brown dan Levinson (1987)

Teori ini merupakan antara yang paling berpengaruh dalam bidang pragmatik. Teori tersebut berasaskan konsep "muka" (face) yang dibahagikan kepada dua iaitu *positive face* (muka positif) merujuk hasrat seseorang untuk disukai, dihargai dan diterima. Keduanya *negative face* (muka negatif) iaitu hasrat seseorang untuk bebas daripada paksaan atau gangguan. Strategi kesantunan yang diamalkan dalam komunikasi merangkumi bertutur secara langsung dengan sopan (*on-record politeness*), yang menggunakan kesantunan positif bagi menunjukkan keakraban, menghargai pendapat orang. Contohnya dalam ayat seperti: "Saya suka idea awak. Boleh saya tambah sedikit cadangan?". Seterusnya mengaplikasikan kesantunan negatif dengan mengelakkan memaksa dan memberi ruang pilihan. Contohnya dalam ayat: "Saya minta maaf mengganggu. Boleh saya bertanya sesuatu jika tidak keberatan?". Komunikasi juga melibatkan bertutur secara tidak langsung (*off-record*) yang menyampaikan maksud secara halus. Contohnya dalam ayat berikut "Panas juga hari ini ya..." yang merujuk maksud "boleh hidupkan kipas? Seterusnya, tidak bertutur secara langsung (*avoidance*): Contohnya bagi mengelakkan daripada berkata yang menimbulkan kerisauan seperti menyinggung pihak tertentu.

Teori ini juga dapat disokong dengan kajian dan pandangan ahli bahasa tempatan seperti Asmah Haji Omar berkenaan kesantunan dalam budaya Melayu yang amat penting dan dikaitkan dengan nilai-nilai hormat-menghormati terutamanya kepada pihak yang lebih tua atau berjawatan, tidak berterus terang secara kasar dalam komunikasi, menggunakan bahasa berlapik dan berbudi serta mengelakkan konflik dan menjaga air muka. Contohnya dalam penggunaan ayat yang sopan iaitu "Kalau tidak keberatan, boleh saya tahu bila tuan ada masa?" dan bukannya ayat yang kurang sopan iaitu "bila awak boleh jumpa saya?". Oleh yang demikian, jelas bahawa prinsip umum kesantunan berbahasa ialah hormat kepada pendengar, menggunakan intonasi dan laras bahasa yang sesuai serta mengelakkan penggunaan bahasa kasar, sinis atau menjatuhkan air muka dan mengambil kira status sosial dan hubungan antara penutur dan pendengar.

Teori Kesantunan dalam Pemilihan Kata dalam Penulisan merujuk kepada penggunaan kata dan ungkapan yang mempertimbangkan aspek kesopanan, sensitiviti budaya, hubungan sosial, dan niat penulis agar tidak menyinggung pembaca serta mewujudkan komunikasi yang harmoni.

Kesimpulannya, teori ini banyak berpandukan kepada Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) yang memberi penekanan kepada dua aspek penting dalam komunikasi Muka Positif (*Positive Face*) iaitu merujuk keinginan seseorang untuk dihargai dan disukai. Seterusnya, Muka Negatif (*Negative Face*) merujuk keinginan untuk bebas daripada paksaan dan gangguan. Dalam penulisan, kedua-dua aspek ini diambil kira dalam pemilihan kata agar mesej sampai tanpa mengguris perasaan pembaca.

5. PERBINCANGAN ANALISIS KAJIAN

Berikut ialah 20 artikel akhbar dalam talian yang telah dianalisis menggunakan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987), dengan fokus pada 10 penggunaan istilah "Orang Kurang Upaya" (OKU1) dan 10 istilah "Orang Kelainan Upaya" (OKU2), serta strategi kesantunan yang digunakan dalam penulisan media:

5.1 Analisis Perbincangan Penggunaan istilah "Orang Kurang Upaya"

Tajuk akhbar: Lebih 75,000 OKU Dapat Pekerjaan Lebih Baik

- **Ringkasan:** Seramai 75,566 OKU mendapat pekerjaan lebih baik selepas menerima latihan di bawah Sistem Pensijilan Kemahiran Malaysia.

Sumber: Astro Awani, 6 April 2025

Data 1

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kurang Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan positif, iaitu menghargai dan menyantuni pencapaian golongan OKU, sekaligus memelihara wajah positif mereka.

Tajuk akhbar: Sokongan Pekerjaan bagi Orang Kurang Upaya di Malaysia

- **Ringkasan:** Artikel membincangkan hak OKU untuk akses kepada pekerjaan berdasarkan Akta OKU 2008 dan inisiatif Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Sumber: Utusan Malaysia, 26 September 2024

Data 2

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kurang Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan negatif, iaitu menghormati hak dan autonomi golongan OKU dalam sektor pekerjaan.

Tajuk akhbar: Pemerkasaan OKU Langkah Penting ke Arah Masyarakat Inklusif

- **Ringkasan:** Artikel menekankan kepentingan pemerkasaan OKU dalam bidang sukan dan seni sebagai langkah ke arah masyarakat inklusif.

Sumber: Astro Awani, 4 Disember 2024

Data 3

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kurang Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan positif, iaitu menghargai dan menyantuni sumbangan golongan OKU dalam pelbagai bidang.

Tajuk akhbar: Jangan Pandang Rendah OKU

- **Ringkasan:** Artikel menyeru masyarakat agar tidak memandang rendah golongan OKU dan mengiktiraf hak mereka.

Sumber: Utusan Malaysia, 11 Februari 2025

Data 4

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kurang Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan positif, iaitu menghargai dan menyantuni martabat golongan OKU.

Tajuk akhbar: Lelaki Ditahan Bunuh, Bakar Ibu Kandung di Alor Setar

- **Ringkasan:** Seorang lelaki pemegang kad OKU mental ditahan kerana disyaki membunuh dan membakar ibu kandungnya.

Sumber: Astro Awani, 3 Mac 2025

Data 5

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kurang Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan negatif, iaitu menghormati hak dan autonomi individu walaupun dalam situasi jenayah.

Tajuk akhbar: Gadis OKU Hilang Selepas Keluar Bermain di Taman Permainan

- **Ringkasan:** Seorang gadis OKU berusia 18 tahun dilaporkan hilang selepas keluar bermain di taman permainan.

Sumber: Astro Awani, 6 April 2025

Data 6

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kurang Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan positif, iaitu menghargai dan menyantuni kebajikan golongan OKU.

Tajuk akhbar: Yayasan Matrix Concepts Agih Bantuan Orang Kurang Upaya

- **Ringkasan:** Yayasan Matrix Concepts memberikan sumbangan kepada Pertubuhan Kebajikan Orang Kurang Upaya Seremban sempena sambutan Tahun Baharu Cina.

Sumber: Utusan Malaysia, 25 Januari 2025

Data 7

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kurang Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan positif, iaitu menghargai dan menyantuni golongan OKU melalui bantuan kebajikan.

Tajuk akhbar: Warga Akademik OKU Beri Sumbangan Besar, Tingkat Kualiti Pendidikan

- **Ringkasan:** Artikel menyoroti sumbangan warga akademik OKU dalam meningkatkan kualiti pendidikan di Malaysia.

Sumber: Bernama, 5 Disember 2024

Data 8

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kurang Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan positif, iaitu menghargai dan menyantuni sumbangan intelektual golongan OKU.

Tajuk akhbar: Lindungi OKU Secara Inklusif

- **Ringkasan:** Artikel menekankan perlunya pendekatan inklusif dalam melindungi hak dan kebajikan golongan OKU.

Sumber: Utusan Malaysia, 6 Mac 2025

Data 9

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kurang Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan negatif, iaitu menghormati hak dan autonomi golongan OKU dalam masyarakat.

Tajuk akhbar: Selepas 66 Tahun, Golongan OKU Masih Belum 'Merdeka'

- **Ringkasan:** Artikel membincangkan cabaran yang masih dihadapi oleh golongan OKU walaupun selepas 66 tahun kemerdekaan negara.

Sumber: Utusan Malaysia, 9 September 2023

Data 10

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kurang Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan negatif, iaitu menghormati hak dan autonomi golongan OKU serta menyeru kepada perubahan sosial.

Jadual 1 Analisis Keseluruhan Penggunaan Kata "Orang Kurang Upaya"

Aspek	Pemerhatian
Penggunaan Istilah	Istilah "Orang Kurang Upaya" digunakan secara konsisten dalam laporan rasmi dan berita berkaitan dasar kerajaan.
Strategi Kesantunan	Strategi kesantunan positif dominan dalam laporan yang menekankan penghargaan dan sumbangan golongan OKU; strategi kesantunan negatif digunakan dalam konteks hak dan autonomi.
Konteks Penggunaan	Istilah digunakan dalam pelbagai konteks, termasuk pekerjaan, pendidikan, kebajikan, dan isu jenayah, menunjukkan fleksibiliti dalam penggunaannya.
Kesan Terhadap Pembaca	Penggunaan istilah yang lebih menyantuni ini berpotensi meningkatkan kesedaran dan empati masyarakat terhadap golongan OKU.

Berikut adalah 10 contoh liputan akhbar dalam talian Malaysia yang menggunakan istilah "Orang Kelainan Upaya (OKU)", dan dianalisis berdasarkan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987):

Tajuk akhbar: Masyarakat Perlu Kuasai Bahasa Isyarat, Jangan Sisihkan Golongan OKU

- **Ringkasan:** Presiden Persatuan Jurubahasa Isyarat Malaysia menyeru masyarakat untuk mempelajari bahasa isyarat bagi memudahkan komunikasi dengan golongan OKU pendengaran.

Sumber: Astro Awani, 11 Mei 2025

Data 1

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kelainan Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan positif, iaitu menghargai dan menyantuni keperluan komunikasi golongan OKU, sekaligus memelihara wajah positif mereka.

Tajuk akhbar: Buli OKU, Dua Lelaki Ditahan Polis Kuching

- **Ringkasan:** Dua individu ditahan kerana disyaki membuli seorang lelaki OKU lembam.

Sumber: Astro Awani, 11 Mei 2022

Data 2

Analisis Kesantunan: Dalam laporan ini, istilah "Orang Kelainan Upaya" digunakan untuk merujuk kepada mangsa, menunjukkan empati dan penghormatan terhadap individu tersebut. Ini selaras dengan strategi kesantunan positif yang menekankan penghargaan terhadap individu.

Tajuk akhbar: Kerajaan Perpaduan Akan Perkasa Golongan OKU - PM Anwar

- **Ringkasan:** Perdana Menteri menegaskan komitmen kerajaan untuk memperkasakan golongan OKU melalui pelbagai inisiatif..

Sumber: Astro Awani, 3 Disember 2022

Data 3

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kelainan Upaya" dalam ucapan rasmi menunjukkan strategi kesantunan positif, iaitu menghargai dan memberi pengiktirafan kepada golongan OKU sebagai sebahagian penting dalam masyarakat.

Tajuk akhbar: Mayat Wanita Dalam Semak: Pesara Direman, Keluarga Terdekat Mangsa - Polis

- **Ringkasan:** Seorang pesara ditahan berhubung penemuan mayat wanita OKU pendengaran di dalam semak di Marang.

Sumber: Astro Awani, 26 Januari 2023

Data 4

Analisis Kesantunan: Istilah "Orang Kelainan Upaya" digunakan untuk merujuk kepada mangsa, menunjukkan penghormatan terhadap identiti dan keadaan individu tersebut, selaras dengan strategi kesantunan positif.

Tajuk akhbar: Pendaki Negara Dilapor Hilang Selepas Takluk Everest

- **Ringkasan:** Muhammad Hawari, seorang pendaki OKU, dilaporkan hilang semasa menuruni Gunung Everest selepas mencapai puncak.

Sumber: Astro Awani, 20 Mei 2023

Data 5

Analisis Kesantunan: Laporan ini menggunakan istilah "Orang Kelainan Upaya" untuk merujuk kepada pendaki tersebut, menonjolkan pencapaian luar biasa individu OKU, dan memelihara wajah positif mereka melalui strategi kesantunan positif.

Tajuk akhbar: Starbucks Lancar 'Cawangan Bahasa Isyarat' Pertamanya di Kuching

- **Ringkasan:** Starbucks membuka cawangan khas yang menawarkan peluang pekerjaan kepada golongan OKU pendengaran.

Sumber: Astro Awani, 18 Ogos 2023

Data 6

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kelainan Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan positif, iaitu menghargai dan menyantuni sumbangan golongan OKU dalam sektor pekerjaan.

Tajuk akhbar: Dua Beradik OKU Mengengsot Capai Kerusi Roda Selamatkan Diri

- **Ringkasan:** Dua beradik OKU terpaksa mengengsot untuk mencapai kerusi roda bagi menyelamatkan diri semasa banjir di Kuching.

Sumber: Astro Awani, 20 Februari 2021

Data 7

Analisis Kesantunan: Laporan ini menggunakan istilah "Orang Kelainan Upaya" untuk merujuk kepada mangsa, menunjukkan empati dan penghormatan terhadap individu tersebut, selaras dengan strategi kesantunan positif

Tajuk akhbar: Beri Peluang OKU Asah Bakat, Ceburi Bidang Diingini - Ras Adiba

- **Ringkasan:** Ras Adiba menyeru agar golongan OKU diberi peluang untuk mengasah bakat dan menceburi bidang yang diminati.

Sumber: Astro Awani, 10 Mac 2022

Data 8

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kelainan Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan positif, iaitu menghargai dan menyantuni potensi serta minat individu OKU.

Tajuk akhbar: India Wujudkan Kem Vaksinasi Khas untuk OKU

- **Ringkasan:** India menubuhkan kem vaksinasi khas untuk golongan OKU bagi memudahkan proses vaksinasi mereka.

Sumber: Astro Awani, 14 Jun 2021

Data 9

Analisis Kesantunan: Laporan ini menggunakan istilah "Orang Kelainan Upaya" untuk merujuk kepada penerima vaksin, menunjukkan penghormatan terhadap identiti dan keadaan individu tersebut, selaras dengan strategi kesantunan positif.

Tajuk akhbar: Buka Lebih Banyak Taska OKU - Rina Harun

- **Ringkasan:** KPWKM menggalakkan NGO dan badan-badan swasta untuk membuka lebih banyak taska bagi kanak-kanak OKU di seluruh negara.

Sumber: Astro Awani, 20 Februari 2021

Data 10

Analisis Kesantunan: Penggunaan istilah "Orang Kelainan Upaya" dalam konteks ini menunjukkan strategi kesantunan positif, iaitu menghargai dan menyantuni keperluan pendidikan awal golongan OKU.

Jadual 2 Analisis Keseluruhan pemilihan kata "Orang Kelainan Upaya"

Aspek	Pemerhatian
Penggunaan Istilah	Istilah "Orang Kelainan Upaya" digunakan secara konsisten dalam laporan yang menekankan penghargaan dan pencapaian individu OKU.
Strategi Kesantunan	Strategi kesantunan positif dominan, dengan penekanan terhadap penghargaan, empati, dan pengiktirafan terhadap individu OKU.
Konteks Penggunaan	Istilah digunakan dalam pelbagai konteks, termasuk komunikasi, keselamatan, pencapaian, dan isu jenayah, menunjukkan fleksibiliti dalam penggunaannya.
Kesan Terhadap Pembaca	Penggunaan istilah yang lebih menyantuni ini berpotensi meningkatkan kesedaran dan empati masyarakat terhadap golongan OKU.

Jadual 3 Perbandingan analisis istilah "Orang Kurang Upaya" (OKU) dan "Orang Kelainan Upaya" (OKU) dalam akhbar atas talian berdasarkan Teori Kesantunan Brown & Levinson (1987)

Aspek	"Orang Kurang Upaya"	"Orang Kelainan Upaya"	Analisis Kesantunan (Brown & Levinson)
Kekerapan dalam akhbar	Sering digunakan dalam konteks rasmi/kerajaan	Lebih kerap digunakan dalam media popular dan sosial	Kedua-duanya digunakan secara meluas, tetapi berbeza mengikut konteks
Konotasi makna	Menunjukkan kekurangan atau ketidakmampuan	Menunjukkan kelainan, tetapi neutral dari segi nilai	"Kelainan" dianggap lebih positif berbanding "kurang"
Nada penulisan	Cenderung formal dan birokratik	Lebih mesra dan empatik	"Kelainan" lebih selari dengan strategi kesantunan positif

Reaksi masyarakat OKU	Ada yang rasa kurang selesa dengan istilah ini	Lebih diterima sebagai istilah inklusif	"Kurang" boleh menjejaskan wajah negatif (negative face)
Strategi Kesantunan	Boleh bersifat mengancam wajah jika tidak berhati-hati	Memelihara wajah positif golongan OKU	"Orang Kelainan Upaya" lebih menjaga prinsip kesantunan linguistik
Gaya pelaporan media	Digunakan dalam konteks dasar dan polisi kerajaan	Digunakan dalam laporan kisah inspirasi, selebriti, sosial	"Kelainan" memberi ruang empati dan pengiktirafan terhadap potensi individu
Contoh akhbar	BH, Utusan, RTM	Harian Metro, Astro Awani, Bernama	Media kerajaan cenderung guna "kurang", media arus perdana guna "kelainan"
Penerapan strategi positif	Terhad, bergantung kepada konteks	Tinggi – sering memfokuskan pada potensi, pencapaian individu OKU	"Orang Kelainan Upaya" lebih konsisten dengan strategi menjaga maruah (face)
Penerapan strategi negatif	Cenderung mencadangkan kekurangan individu	Memberi ruang kepada individu untuk dilihat unik dan berdaya	"Kelainan" tidak menekankan kelemahan, sebaliknya kepelbagaian
Cadangan penggunaannya	Sesuai dalam konteks perundangan atau dasar	Lebih sesuai dalam konteks penulisan media dan sosial	Gunakan "Kelainan" untuk penulisan mesra pembaca dan inklusif

6. KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil analisis berdasarkan Teori Kesantunan Brown dan Levinson (1987) terhadap penggunaan istilah "Orang Kurang Upaya (OKU1)" dan "Orang Kelainan Upaya (OKU2)" dalam penulisan media akhbar dalam talian jelas berpaksikan konsep "wajah" atau "face" menurut Teori Brown & Levinson (1987). Wajah Positif (Positive Face) merujuk keinginan individu untuk dihargai, diterima dan dihormati. Manakala Wajah Negatif (Negative Face) merujuk keinginan individu untuk bebas daripada paksaan dan gangguan, iaitu untuk menjaga autonomi diri. Strategi kesantunan merangkumi kesantunan positif yang menekankan solidariti, penghargaan dan pujian. Begitu juga dengan kesantunan negatif iaitu menghormati hak dan ruang peribadi individu. Seterusnya, bertindak tanpa kesantunan secara langsung dan secara berterus terang atau tanpa tindakan langsung iaitu secara diam atau mengelak. Istilah "Orang Kelainan Upaya" dilihat lebih menyantuni secara linguistik dan psikososial, seiring dengan strategi kesantunan positif Brown & Levinson (1987). Istilah "Orang Kurang Upaya"

pula lebih formal dan sesuai dalam konteks dasar kerajaan tetapi berisiko mengguris hati individu jika digunakan tanpa konteks yang betul. Istilah tersebut juga digunakan secara rasmi dalam undang-undang Malaysia (Akta OKU 2008). Implikasi Kesantunan daripada pemilihan kata tersebut juga memberi impak wajah negatif. Istilah tersebut mungkin dilihat sebagai menekankan kekurangan, yang boleh mengganggu autonomi atau maruah diri OKU. Seterusnya, Wajah Positif yang digunakan dalam konteks sokongan sosial dan pemeraksanaan (contohnya dalam artikel bantuan kewangan, peluang pendidikan). Manakala pemilihan kata "Orang Kelainan Upaya" cenderung dianggap lebih santun dan menekankan *kelainan* berbanding *kekurangan*. Implikasi Kesantunan dapat memaparkan Wajah Positif iaitu menonjolkan kelainan sebagai unik, bukan sebagai kelemahan. Strategi ini memelihara maruah individu dan mencipta perasaan penerimaan. Seterusnya Wajah Negatif iaitu kurang menyerlah, kerana istilah ini tidak menggambarkan beban atau kekurangan yang memerlukan perlindungan tertentu. Berdasarkan Teori Brown & Levinson (1987) juga mendapati bahawa, istilah "Orang Kelainan Upaya" secara pragmatik dan kesantunan berbahasa lebih menyantuni wajah positif individu, kerana dapat mengangkat keunikan (bukan kekurangan), menerapkan penghormatan dan penerimaan serta memberi impak emosional yang lebih positif kepada khalayak. Namun begitu, istilah "Orang Kurang Upaya" tetap sah dan digunakan meluas secara rasmi, dengan potensi menyantuni wajah negatif apabila digunakan dalam konteks bantuan, hak, dan dasar awam. Jelas bahawa Teori Kesantunan dalam penulisan dapat menunjukkan profesionalisme dan etika komunikasi, dapat menjaga hubungan sosial antara penulis dan pembaca, mengelakkan konflik atau salah faham dalam komunikasi bertulis serta dapat meningkatkan kredibiliti penulisan, khususnya dalam konteks akademik dan rasmi.

RUJUKAN

- Ahmad, N., & Ismail, R. (2017). *Budaya bahasa dalam masyarakat Melayu: Satu analisis kesantunan berbahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1992). *Bahasa dan budaya Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (2015). *Cerminan bahasa, cerminan budaya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, P., & Levinson, S. C. (1987). *Politeness: Some universals in language usage*. Cambridge University Press.
- Hasan, H., & Harun, W. H. W. (2018). Terminologi alternatif bagi golongan orang kurang upaya: Suatu tinjauan semantik. *Jurnal Bahasa*, 18(1), 45–58.
- Hazlin Falina, H., Mohamad, Z., & Razali, A. (2017). Persepsi masyarakat terhadap istilah bagi orang kurang upaya. *Jurnal Pendidikan Khas*, 9(2), 23–30.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. (2020). *Orang kurang upaya (OKU)*. <https://www.jkm.gov.my>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2008). *Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685)*. <https://www.jkm.gov.my>
- Jabatan Pendidikan Khas. (2005). *Falsafah pendidikan khas*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Khas. (2008). *Panduan pelaksanaan pendidikan khas*. Kementerian Pelajaran Malaysia.

Kamus Dewan (Edisi ke-4). (2005). Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mahmud, R. (2022). Peranan media dalam pembentukan persepsi terhadap OKU. *Jurnal Komunikasi Malaysia*, 38(1), 71–84.

Nor, N. A. M., & Salleh, A. B. (2021). Bahasa inklusif dalam komunikasi berkaitan OKU: Analisis istilah dan sensitiviti. *Jurnal Bahasa dan Masyarakat*, 12(2), 54–66.

Rahim, N. (2015). Persepsi masyarakat terhadap istilah 'orang kurang upaya': Satu kajian sosiolinguistik. *Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 10(1), 15–25.

Zainal, N. A. (2019). Kesantunan berbahasa dalam media: Analisis terhadap istilah bagi orang kurang upaya. *Jurnal Linguistik Malaysia*, 27(2), 98–112.

Sumber Media dan Akhbar Dalam Talian

Astro Awani. (2021, Februari 20). *Dua beradik OKU mengengsot capai kerusi roda selamatkan diri*. <https://www.astroawani.com>

Astro Awani. (2021, Jun 14). *India wujudkan kem vaksinasi khas untuk OKU*. <https://www.astroawani.com>

Astro Awani. (2022, Mac 10). *Beri peluang OKU asah bakat, ceburi bidang diingini - Ras Adiba*. <https://www.astroawani.com>

Astro Awani. (2022, Mei 11). *Buli OKU, dua lelaki ditahan polis Kuching*. <https://www.astroawani.com>

Astro Awani. (2022, Disember 3). *Kerajaan Perpaduan akan perkasa golongan OKU - PM Anwar*. <https://www.astroawani.com>

Astro Awani. (2023, Januari 26). *Mayat wanita dalam semak: Pesara direman, keluarga terdekat mangsa - Polis*. <https://www.astroawani.com>

Astro Awani. (2023, Mei 20). *Pendaki negara dilaporkan hilang selepas takluk Everest*. <https://www.astroawani.com>

Astro Awani. (2023, Ogos 18). *Starbucks lancar 'cawangan bahasa isyarat' pertamanya di Kuching*. <https://www.astroawani.com>

Astro Awani. (2025, April 6). *Gadis OKU hilang selepas keluar bermain di taman permainan*. <https://www.astroawani.com>

Astro Awani. (2025, April 6). *Lebih 75,000 OKU dapat pekerjaan lebih baik*. <https://www.astroawani.com>

Astro Awani. (2025, Mac 3). *Lelaki ditahan bunuh, bakar ibu kandung di Alor Setar*. <https://www.astroawani.com>

Astro Awani. (2025, Mei 11). *Masyarakat perlu kuasai bahasa isyarat, jangan sisihkan golongan OKU*. <https://www.astroawani.com>

Bernama. (2024, Disember 5). *Warga akademik OKU beri sumbangan besar, tingkat kualiti pendidikan*. <https://www.bernama.com>

Utusan Malaysia. (2023, September 9). *Selepas 66 tahun, golongan OKU masih belum 'merdeka'*. <https://www.utusan.com.my>

Utusan Malaysia. (2024, September 26). *Sokongan pekerjaan bagi orang kurang upaya di Malaysia*. <https://www.utusan.com.my>

Utusan Malaysia. (2025, Januari 25). *Yayasan Matrix Concepts agih bantuan orang kurang upaya*. <https://www.utusan.com.my>

Utusan Malaysia. (2025, Februari 11). *Jangan pandang rendah OKU*. <https://www.utusan.com.my>

Utusan Malaysia. (2025, Mac 6). *Lindungi OKU secara inklusif*. <https://www.utusan.com.my>